

17.7.2024
Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

KEMAJUAN PROJEK WCP 2030 PULAU PINANG BAIK

- **Projek WCP 2030 pertama siap pada 2023**
- **Projek WCP 2030 ke 2 akan ditauliahkan pada September 2024**
- **Projek WCP 2030 ke-3 dan ke-4 akan bermula pada bulan November dan Disember 2024**

PULAU PINANG, Rabu, 17.7.2024: Bagi memenuhi permintaan air yang semakin meningkat di Pulau Pinang, PBAPP akan memulakan operasi projek Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) keduanya pada September 2024.

- Projek WCP 2030 pertama ialah modul rawatan air DAF 10 juta liter sehari (MLD) baharu di Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Panchor. Projek ini telah beroperasi pada Disember 2023 dan telah menghasilkan sehingga 10 JLH air terawat tambahan untuk bekalan di Seberang Perai Selatan (SPS).
- Projek WCP 2030 ke-2 ialah Pakej 12A di LRA Sungai Dua. Ia dijadualkan untuk pengoperasian pada September tahun ini. Pakej 12A akan membolehkan PBAPP mengeluarkan tambahan 114 JLH air terawat untuk disalurkan di kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua, yang merangkumi beberapa kawasan di SPS dan Daerah Barat Daya (DBD) di bahagian pulau.
- Kerja-kerja projek ke-3 dan ke-4 WCP 2030 akan bermula pada November dan Disember 2024.

Projek ketiga melibatkan pemasangan saluran paip sepanjang 13.0km dari LRA Sungai Dua ke Butterworth. Projek keempat akan menyaksikan pemasangan 3.9km lagi saluran paip 1.8m dari kawasan Macallum ke Bukit Dumar di bahagian pulau, Pulau Pinang.

Apabila beroperasi pada 2025, 2 projek saluran paip utama ini akan mempertingkatkan dengan ketara kapasiti pengepaman air terawat PBAPP dari LRA Sungai Dua ke DBD di Pulau Pinang.

Kemajuan kerja projek WCP 2030 setakat ini mencerminkan komitmen PBAPP untuk membangunkan infrastruktur bekalan air baharu dan tambahan di Pulau Pinang. Dalam erti kata lain, PBAPP sibuk “mengotakan apa yang dikatakan” dengan memberi

respons terhadap permintaan air yang semakin meningkat dari 689,786 pengguna air di Pulau Pinang.

Sehingga kini, PBAPP telah melabur kira-kira RM51.52 juta untuk projek pertama dan kedua WCP 2030 serta Pelan Tindakan SPS pada 2023 dan 2024.

Projek ke-3 dan ke-4 WCP 2030, yang melibatkan kerja-kerja pemasangan paip utama di Seberang Perai dan Pulau Pinang, akan melibatkan pelaburan tambahan sebanyak RM172.0 juta pada 2024 dan 2025.

3 objektif utama WCP 2030 adalah untuk:

1. Menangani lonjakan 10% dalam penggunaan air di Pulau Pinang sejak 2019 (sebelum pandemik Covid-19) dan memastikan bekalan air mencukupi sehingga 2030;
2. Mengurangkan risiko air yang wujud di Pulau Pinang berkaitan sumber air mentah yang terhad, perubahan iklim dan permintaan air yang semakin meningkat; dan
3. Memberi masa sementara menunggu pelaksanaan Projek Air Perak-Pulau Pinang bernilai RM4 bilion, seperti yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Selain itu, PBAPP akan membuat pelaburan tambahan RM18.0 juta untuk pemasangan saluran paip 110m 1.35m baharu di Sungai Perai pada 2024. Projek saluran paip menyeberangi sungai ini dijadualkan bermula pada September untuk disiapkan sebelum hujung tahun.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my